

Carta aliran penyelesaian pembayaran untuk Penjual

Tahap Kontrek

1

Tawaran & Persetujuan Penerimaan

Ejen Hartanah anda akan menghantar butiran kepada LJ Hooker Settlements & menasihati mereka agar memulakan proses penyelesaian pembelian.

2

Surat perkenalkan diri

Anda akan menerima suatu surat perkenalkan diri dan Pengesahan untuk Bertindak daripada LJ Hooker Settlements. Sila tanda tangani dokumen-dokumen ini dan pulangkan secepat yang mungkin.

3

Pengenalan diri Penjual

Semua pemilik yang berdaftar dikehendaki memperkenalkan diri masing-masing. Kategori tertinggi dokumen pengenalan diri merupakan pasport Australia yang sah dan lesen memandu Australia dari mana-mana negeri atau wilayah.

Tahap Proses Penyelesaian Pembayaran

4

Settlement Tracker

Anda akan dimaklumkan langkah demi langkah menerusi sms dan emel melalui program berasaskan web kami 'Settlement Tracker'.

5

Hubungi bank dan tanda tangan

Jika anda mempunyai gadaai janji ke atas hartanah anda, sila hubungi Bank anda secepat mungkin untuk menandatangani borang Pelepasan Gadaai janji.

6

Pelepasan gadaai janji

Ejen penyelesaian pembayaran anda berurusan dengan Bank anda untuk mengatur pelepasan gadaai janji. Proses ini memakan masa sekurang-kurangnya 10 hari bekerja selepas ditandatangani.

7

Syarat-syarat dipenuhi

Pastikan sebarang syarat yang terkandung dalam O&A (Tawaran & Persetujuan Penerimaan) yang harus ditanggung oleh si penjual dipenuhi pada tarikh yang sepatutnya – tersangat penting.

8

Dokumen Pemindahan

Perlu anda tanda tangani sebelum penyelesaian pembayaran, setelah ianya ditandatangani oleh si pembeli. Jika anda berada di luar negara pada masa urusan ini, hubungi ahli professional yang mengendalikan urusan pindah milik hartanah untuk arahan-arahan berkenaan saksi.

9

Suatu pemeriksaan pra-penyelesaian pembayaran

Boleh diatur oleh si Pembeli. Pastikan semua item dalam rumah berada dala keadaan yang baik dan berfungsi.

10

Pemberitahuan alamat baru

Anda harus memberitahu Telstra, Aust. Post, Synergy, Allinta Gas dan syarikat-syarikat perkhidmatan lain tentang alamat baru anda.

11

Penyata penyelesaian terakhir akan disediakan

Mencirikan jumlah wang yang diberi kepada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan.

12

Keadaan hartanah

Memandangkan bahawa penyelesaian akan semestinya berlaku, pastikan (seperti yang anda akan berharap untuk mendapati rumah kediaman baru anda) yang hartanah tersebut bersih dan semua sampah telah dikeluarkan.

Tahap Penyelesaian Pembayaran Dilangsaikan

13

Penyelesaian pembayaran dilaksanakan

LJ Hooker akan membayar balik gadaai janji & mendepositkan baki wang melalui cek bank dalam akaun bank anda pada hari yang sama (3-5 hari untuk dilepaskan).

14

Kunci

Kunci-kunci rumah perlu diserahkan selewat-lambatnya pada pukul 12 tengah hari keesokannya (jika didiami atau persetujuan telah dibuat dengan Ejen Hartanah anda)

15

Pemberitahuan

Anda akan diberitahu serta-merta apabila penyelesaian pembayaran telah dibuat dan kami akan memberitahu Ejen Hartanah anda & membawa ke hadapan baki komisyen.

16

Surat Pengesahan Penyelesaian Pembayaran

Dikirimkan kepada anda dengan penyata terakhir menunjukkan pelarasan bayaran perbandaran tempatan, cukai dll.

17

Tahniah!

Kami berharap yang anda akan berurusan dengan LJ Hooker Settlements untuk penjualan atau pembelian hartanah anda yang berikutnya.

Now we can settle
your nerves as well

LJ Hooker

LJ Hooker Settlements

+61 8 9426 6088

+61 8 9426 6089

✉ Level 10, 68 St Georges Terrace, Perth WA 6831

@ settlementswa@ljh.com.au

🌐 ljhookersettlements.com.au